

ULANG-ALIK 80KM SEHARI DEMI ANAK LUMPUH

Pasangan warga emas tak jemu hantar zuriat bongsu mengajar ke sekolah sejak tiga tahun lalu

Oleh Rosman
Shamsudin

am@hmetro.com.my

Slim River

Biarpun sudah bergelar warga emas, pasangan suami isteri tetap setia menghantar anak yang lumpuh separuh badan, V Yogie Malar, 32, untuk mengajar di sekolah sejak tiga tahun lalu, dekat sini.

Setiap hari, R Vijayan, 67, dan isterinya, R Janaki, 61, akan berulang alik dari rumah yang terletak di Taman Seroja, Slim River, Perak ke Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Keledang, Hulu Bernam, Selangor dengan menggunakan sebuah kereta.

Walaupun membabitkan perjalanan sejauh 40 kilometer (km) disebabkan pasangan terbabit akan pulang dahulu bagi menguruskan rumah dan kembali mengambil anak mereka namun pasangan ini tetap tabah melaluinya demi anak ter-



YOGIE Malar bersama kedua ibu bapanya ketika menamatkan pengajian di UPSI.

Vijayan dan isterinya, Janaki jelas terpancar sejak hari pertama anaknya melaporkan diri sebagai guru di sekolah berkenaan.

Lebih menarik, pasangan ini tetap ceria dan sentiasa mengukir senyuman selepas mengangkat anak mereka ke atas kerusi roda lalu menolak ke sebuah kelas yang disediakan oleh pihak sekolah.

Keprihatinan pihak sekolah mengusahsui laluan bagi memudahkan pergerakan kerusi roda memudahkan pasangan ini setiap hari menolak kerusi roda menuju ke kelas.

Sementara itu, Janaki pula berkata anak adalah anugerah tuhan dan selagi hayat dikandung badan beliau tetap akan menjaga dan memberi sokongan kepada anaknya itu.

"Setiap ibu bapa mengimpikan masa depan yang terbaik untuk anaknya dan apa yang berlaku kepada anak saya adalah ujian dan ketetapan Tuhan.

membuat saya patah semangat untuk meneruskan kehidupan apatah lagi apabila keadaan fizikal saya tidak seperti dahulu dan bergantung kepada kerusi roda.

"Saya bersyukur kerana tuhan mengurniakan ibu bapa yang penyayang dan setia bersama saya ketika saya gembira dan sedih dan tanpa mereka siapalah saya hari ini," katanya.

Beliau berkata, hidupnya kini bergantung sepenuhnya kepada kedua ibu bapanya bagi menguruskan kehidupan hariannya sebagai anak dan kerjaya sebagai pendidik.

Anak bongsu daripada tiga beradik berkata, akibat kejadian kemalangan terbahit ayahnya terpaksa berhenti menjual sayur kerana menjaga keperluan sehariannya.

"Sejak mula saya ditempatkan mengajar di sekolah ini iaitu bermula tahun 2019, setiap hari ibu bapa sayalah yang setia menghantar dan mengambil

jugalah yang menghantar dan mengambil saya selama dua tahun iaitu pada setiap, petang Jumaat dan hari Sabtu," katanya.

Beliau berkata, kejayaan dalam kehidupan yang beliau perolehi hari ini sebenarnya adalah kejayaan ibu bapanya yang berjaya memberi semangat dan sokongan kepada beliau menempuh liku-liku dalam kehidupan.

Katanya, beliau juga rasa bertuah selepas ditempatkan mengajar di sekolah berkenaan kerana guru-guru dan kakitangan sentiasa memberi kerjasama dan sokongan membuatkan beliau gembira kerana dikelilingi insan-insan berhati mulia.



sayang. Malah, walaupun dimamah usia namun kasih sayang terhadap anaknya yang kini terpaksa bergantung hidup sepenuhnya kepada kerusi roda tidak akan pudar kerana kasih sayang ibu bapa pada anak mengatasi segalanya.

Vijayan berkata kisahnya bermula kira-kira enam tahun lalu selepas kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki anaknya terbabit dalam kemalangan di Jalan Kuala Kangsar, Ipoh, Perak.

“Ketika itu anaknya masih menuntut di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh, Hulu Kinta peringkat ijazah sarjana muda dan lebih menyedihkan, kejadian terbabit berlaku pada hari lahirnya tanggal 13 Mei 2016.

“Akibat kemalangan itu, menyebabkan anak saya lumpuh separuh badan tetapi berjaya menamatkan pengajian di IPG meskipun pergerakannya terbatas menggunakan kerusi roda,” katanya ketika ditemui, dekat sini.

Beliau berkata selepas kejadian kemalangan yang menimpa anaknya itu menyebabkan hidupnya berubah sama sekali termasuk-



VIJAYAN (kanan) bersama Janaki membantu anaknya turun dari kereta ketika tiba di sekolah.

lah terpaksa berhenti kerja sebagai penjual sayur.

Katanya, beliau terpaksa memilih untuk berhenti berniaga memandangkan anaknya itu amat memerlukan sokongan bantuan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

“Ibu bapa mana yang tidak berasa sedih apabila melihat anak yang dijaga dan dibesarkan dengan penuh kasih sayang ditimpa musibah apatahlah sehingga boleh meranapkan masa depan.

“Sebagai bapa, biasanya

tidak akan menunjukkan reaksi wajah yang sedih dan apa jua perasaan akan tersimpan di dalam hati serta perlu menunjukkan sikap positif kepada anak dan keluarga.

“Dalam sesebuah keluarga, bapa adalah segalanya menjadi tunjang kepada keluarga, oleh kerana itu, seorang bapa perlu kuat dan tabahkan hati supaya dapat memberi semangat dan motivasi kepada anak agar terus berjuang dalam kehidupan,” katanya.

Kasih sayang kedua insan,

“Sebagai ibu yang melahirkan dan membesarkan beliau dengan penuh kasih sayang maka saya redha serta melalui dengan tabah serta sabar demi anak tersayang,” katanya.

Janaki berkata setiap hari menjadi rutin hidupnya untuk menyiapkan makanan dan pakaian untuk anaknya terutama sebelum melangkah kaki ke sekolah.

Yogie Malar, pula berkata sehingga ini detik-detik peristiwa hitam yang hampir meragut nyawanya dan memusnahkan masa depan masih segar di dalam ingatan.

Menurutnya, bukannya mudah untuk melupakan tetapi beliau tetap tekad dan kuatkan semangat untuk bangkit dan teruskan kehidupan.

“Memang tidak dapat dinafikan, kejadian itu

saya dari sekolah.

“Ketika saya sambung belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di peringkat sarjana muda, mereka

“
Saya bersyukur Tuhan kurniakan ibu bapa penyayang dan setia
Yogie Malar

